# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 23 BILANGAN 9 | RABU 1HB. MACH, 1978. | رابو 21 ربيع الاول 1398 | PERCHUMA

## BELIA2 MENGHAYATI ISLAM SA-BAGAI CHARA HIDUP

PEKAN SERIA.— Menyedari akan peranan belia kita sekarang ini dan sesuai dengan thema sambutan "Belia Pengembang Shi'ar Islam", di-mana belia2 merupakan golongan yang terbesar di-negeri ini ada-lah bertanggong-jawab dalam menghayati Islam sa-bagai chara hidup yang lengkap dan sempurna.

Mudah2an dengan thema Maulud Nabi pada tahun ini, belia2 kita akan sentiasa mendapat semangat baru dan ilham yang mendalam untok lebeh berbakti kapada Ugama sa-bagai satu tenaga yang akan menyambong usaha2 kemajuan Islam di-negeri ini pada masa2 yang akan datang.

Ini telah di-tegaskan oleh Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail, ketika menyampaikan uchapan-nya di-perhimpunan sempena memperingati hari keputeraan Nabi Muhammad s.a.w. di-Padang Bandaran sini pada hari Ahad lalu.

Sabda-nya lagi, dalam hubongan ini juga kita patut-lah bershukor atas usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, dalam memimpin belia2 kita supaya menchintai dan mengenali akan Ugama mereka (Islam) saperti mengadakan seminar2 dakwah kapada belia2.

"Apa yang di-harapkan semoga belia2 kita di-negeri ini akan menyedari chita2 yang suchi murni itu dan hendak-lah mereka bersedia dari masa sekarang mengambil kesempatan ini dengan menggunakan kemudahan2 yang ada yang di-berikan kapada mereka itu dengan sebaik2-nya", jelas-nya.

Di-samping itu, tambah Yang Amat Mulia itu lagi, ibu-bapa serta penjaga belia2 hendak-lah sama2 menyedari akan tugas mereka sa-bagai penjaga atau pengawas supaya jangan-lah membiarkan anak2 dan belia2 di-bawah jagaan mereka terlalu bebas sa-akan2 tidak mempunyai panduan hidup yang boleh membawa mereka jatoh ka-lembah keburokan hidup.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, sabda-nya lagi, telah memberikan galakan yang bersunggoh2 dalam bidang ilmu pengetahuan kapada raayat dan pendudok di-negeri ini yang bukan sahaja menitekberatkan kemajuan dalam bidang kebendaan yang di-sokong oleh ilmu pengeta-

Lihat muka 16



PASOKAN Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah berjaya menjadi johan dalam perlawanan Polo Antarabangsa yang pertama sa-telah mengalahkan pasokan dari Filipina dengan 11 gol berbalas 10, dalam perlawanan akhir yang berlangsong di-Padang Polo, Jerudong pada hari Ahad.

Perlawanan sa-lama empat hari itu di-anjorkan oleh Persatuan Polo Diraja dan di-sertai oleh lima pasokan tempatan, sementara Singapura dan Filipina masing2 menghantar satu pasokan.

Gambar atas kelihatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia (tengah2) dan dua orang pemain pasokan Baginda sedang mengangkat Piala Rebutan yang di-korniakan oleh Baginda.

## *Lima orang lagi tahanan di-bebaskan*

EMPAT orang tahanan yang mengambil bahagian dalam perberontakan dalam tahun 1962 dan sa-orang bekas anggota Askar Melayu Diraja Brunei yang di-tahan sejak 13 bulan yang lalu telah di-bebaskan pada hari Sabtu minggu lalu.

Sa-jurus sa-belum mereka di-bebaskan, kelima2 orang itu telah mengangkat sumpah dan berikrar untok menyumbangkan taat setia kapada Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei di-tiga upachara yang berasingan. Tiga orang dari mereka, Awg Tambah bin Taib, Awang Ghani bin Burut dan Awg Pandin bin Dua, telah mengangkat sumpah di-Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar; Awg Sambang anak Ambo menjalani upachara yang sama di-Balai Ria, Bangar manakala Awang Johari bin Mustapha mengangkat sumpah di-Masjid Sufri Bolkiah, Berakas.

Ketika beruchap di-upachara mengangkat sumpah di-Masjid Utama Mohd.

Lihat muka 16

## Bekas2 tahanan mengutok pemimpin2 PRB yg. di-haramkan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lima orang lagi telah di-bebaskan dari Pusat Pemulehan di-sini, empat orang daripada-nya ia-lah tahanan pemberontakkan 1962, mereka ia-lah: Awang Tambah bin Taib, Awang Ghani bin Burut, Awang Pandin bin Dua dan Awang Sambang Anak Ambo. Turut di-bebaskan hari Sabtu lalu ia-lah Awg Johari bin Mustapha 22 tahun dari Askar Melayu Diraja Brunei yang telah di-tahan sa-lama 13 bulan kerana kegiatan-nya dalam gerakan subersib.

Menurut Awang Johari Mustapha, pada malam 28hb Nobember, 1976, beliau telah di-arahkan oleh Misir Karuddin untok melekatkan risalah propaganda Partai Raayat, dalam kawasan bandaran di-sini.

Beliu merasa kesal di-atas perbuatan yang tidak di-ingini itu dan berkata; "Saya di-tahan, tidak ada orang yang membela dan terpaksa sa-orang diri menanggong azab sengsara sa-lama 13 bulan. Ini ada-lah merupakan satu pengkhianatan dari pemimpin2 PRB yang berada di-luar negeri itu."

Awang Tambah, Ghani, Pandin dan Sambang, masing2 telah menjadi anggota Tentera National Kalimantan Utara (TNKU) dalam kenyataan mereka sa-belum di-bebaskan pada hari Sabtu lepas, menyeru kapada raayat di-negeri ini supaya tidak lagi lekas terpengaroh dengan janji2 palsu dan penipuan2 oleh pemimpin2 PRB yang sekarang ini berada di-luar negeri.

"Kami menyeru kapada seluroh raayat di-negeri ini, terutama belia2 dan penuntut2 supaya jangan lekas terpengaroh oleh propaganda dan anasir2 jahat anjoran pemimpin2 PRB di-luar negeri. Di-samping itu hendak-lah memberikan kerjasama serta ta'at setia kapada Kerajaan Kebawah DYMM terutama pada menjaga keamanan dan keselamatan negeri Brunei yang di-kasehi ini." ujar mereka itu.

"Kami mengutok atas perbuatan Azahari dan pemimpin2 PRB yang berganding bahu-membahu dengan komunis itu. Dan kami menjunjong ampun kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia, di-atas kesilapan yang telah kami lakukan", jelas mereka lagi.

Sa-masa dalam tahanan, tambah mereka lagi, "Kami telah di-berikan layanan yang memuaskan, termasok mempelajari pelajaran ugama, pertukangan tangan dan seumpama-nya."

Sa-belum itu, Khamis lepas, Ketua Pegawai Pene-

Lihat muka 16



Kelihatan dalam gambar, Ketua Pegawai Penerangan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Md. Salleh bin Haji Masri sedang menyampaikan cheramah-nya kapada bekas orang2 tahanan yang telah di-bebaskan pada hari Sabtu lalu dari kanan: Awang Tambah bin Taib, Awang Johari bin Mustapha, Awang Sambang anak Ambo, Awang Ghani bin Burut dan Awang Pandin bin Dua.

## 100 peratus lulus

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kesemua 17 orang chalun yang mendudoki pepereksaan Sijil Pelajaran Ugama Brunei yang di-adakan dalam bulan Nobember tahun lalu telah lulus. Dari jumlah yang lulus itu, sa-ramai sembilan orang chalun mendapat Pangkat I dan lapan orang mendapat Pangkat III.

Mereka yang lulus dengan mendapat Pangkat I ia-lah:— Aminah binte OKML Haji Mohd Yusof, Dk Salmiah bte Pg Shahbudin, Dk Hamidah bte Pg Haji Kamaluddin, Mariah bte Pehin Datu Pekerma Dewa Haji Abdul Rahim, Rashidah bte Mohd Hanifah, Rusita @ Sita bte Yahya, Siti Mastura bte Mahmud, Surbiah bte Tengah dan Zaliha bte Ibrahim.

Mereka yang mendapat Pangkat III ia-lah:—

Bahar bin Sairan, Asiah bte Hashim, Dayang Asiah bte Sulaiman, Hajjah Saidah bte Dato Derma Wijaya Haji Tamit, Hitun bte Idris, Mahani bte Budin, Sariyah bte Hassan dan Siti Rahmah bte Pengarah Haji Othman.

Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

1HB. MACH, 1978.

# Kechekapan menchegah gerakan khianat

TENTU-LAH orang ramai bersetuju bahawa mana2 Kerajaan pun menentang sekeras2-nya sa-barang rupa atau bentok perbuatan khianat yang telah, sedang atau yang akan di-lakukan oleh sa-bilangan anasir2 yang tidak di-ingini untok meng-ganggu keselamatan dan ketenteraman orang ramai itu sendiri. Dan dalam hal ini, sudah berulang kali amaran di-keluarkan terhadap orang2 yang bergiat dalam gerakan anasir subersib itu serta Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, tidak akan teragak2 mengambil tindakan kapada mereka yang melakukan perbuatan yang terkutok di-sisi masharakat dan ugama itu.

Dalam keluaran Pelita Brunei minggu lalu, tiga orang yang pernah menjalankan gerakan yang tidak di-ingini itu telah di-bebaskan oleh Kerajaan dan keluaran Pelita minggu ini sa-orang lagi telah di-bebaskan, masing2 telah menjelaskan dan menyedari yang mereka itu sa-mata2 di-buatkan alat atau per-kakas oleh pemimpin2 Partai Rakyat yang telah di-haramkan dan kini berada di-luar negeri. Salah sa-orang dari mereka yang telah di-bebaskan itu men-sifatkan diri-nya telah di-perbuatkan alat saperti bola, di-tendang ka-sana; di-tendang ka-mari dan akhir-nya masok ka-pintu gol kejahanaman serta mengalami penderitaan mental !

Pada keselurohan-nya, akibat dari perbuatan mereka itu, apakah bekas pemimpin2 Partai Rakyat yang di-haramkan yang berada di-luar negeri itu boleh tolong kapada mereka yang telah terperang-kap ka-dalam pintu gol kejahanaman itu sa-lain dari mengatakan, "Itu sudah nasib mereka". Ini-lah lagu lama gendang lama yang mereka itu nyanyikan untok mempengarohi raayat dan pendudok di-negeri ini dengan janji2 palsu. Raayat Brunei kini sudah muak dengan tindak-tanduk penipuan yang telah mereka lakukan sa-lama ini sa-lain dari mengorbankan harta benda, nyawa dan masa yang sudah terbuang de-ngan sia2 maka tindakan sa-rupa itu juga tidak ada menguntongkan dan orang2 yang melakukan per-buatan yang keji itu bukan hanya menjadi musoh undang2 bahkan jua musoh orang ramai.

Terperangkap-nya orang2 yang telah melaku-kan gerakan subersib itu tadi ada-lah satu kejayaan pehak keselamatan dan perisik kita dalam operasi berseh yang sedang di-lancharkan di-sana sini untok memburu serta membersehkan anasir2 yang tidak di-ingini di-tengah2 masharakat kita yang chintakan keamanan ini. Salah satu puncha kejayaan pehak berkuasa itu tadi ia-lah dengan maklumat yang telah di-berikan oleh orang ramai — sebab itu ada-lah juga menjadi kewajipan orang ramai untok bekerja-sama pada memupok keamanan yang telah ujud se-karang ini. Andai-nya jalinan mesra antara pehak berkuasa dengan orang ramai itu dapat di-perluas-kan, Insha Allah, keadaan keamanan yang telah ujud itu dapat di-pertahankan dan kesejahteraan raayat dan pendudok di-negeri ini akan terjamin buat sa-lama2-nya !

# DARI BILEK GERAKAN

SA-BELUM kita meneruskan mengenai mukim2 di-Daerah Brunei dan Muara, ada baik-nya kita terlebeh dahulu mengetahui keramaian pendudok Negeri Brunei. Dalam siri ke-empat ini kita akan memberikan butir2 anggaran jumlah pendudok bagi tahun 1976 dan tahun berikut-nya, termasok anggaran pendudok mengikut jentina serta jentina tiap2 daerah sa-hingga pertengahan tahun 1976.

Dengan mengetahui bilangan pendudok itu kita akan dapat mengikut pertambahan pendudok dari sa-tahun ka-setahun yang mana kita sa-bagai raayat yang bertanggong - jawab terhadap bangsa dan negeri seharus-nya perlu mengetahui akan pertumbohan pendudok dari masa ke-semasa.

Ramai pendudok Negeri Brunei pada pertengahan tahun 1976 di-anggarkan sa-banyak 177,000 orang ia-itu 101,000 orang lelaki dan 75,000 orang perempuan. Pada waktu yang sama dalam tahun 1975 anggaran pendudok Negeri Brunei ia-lah sa-ramai 162,400 orang yang menunjokkan kadar penambahan kira2 9.0%. Kadar penambahan yang tinggi ini ia-lah di-sebabkan kemasokan pekerja2 asing dan tanggongan mereka yang di-anggarkan lebeh dari 10,000 orang atau kadar penambahan sa-banyak 6.3%. Ini ada-lah di-sebabkan oleh pembangunan negeri ini yang begitu pesat di-bawah Ranchangan Kemajuan Negera Lima Tahun yang baru, yang bermula awal tahun 1975. Kadar penambahan dari sebab2 semula jadi (ia-lah jumlah kelahiran dan kematian) hanya-lah menampakan penambahan dengan kadar 2.7% sahaja.

Mengikut pembahagian umor pula hampir 14.1% dari pendudok ini ia-lah di-anggarkan berumor di-bawah lima tahun dan 48.1% dari jumlah pendudok ini ada-lah berumor di-bawah 20 tahun.

Lebeh sa-paroh (53.3%) dari jumlah pendudok negeri ini ada-lah di-anggarkan diam di-Daerah Brunei dan Muara ia-itu sa-ramai 94,360 orang, ini di-ikuti pula oleh Daerah Belait dengan pendudok-nya sa-ramai 57,500 orang (32.5%) Pendudok bagi Daerah Tutong ia-lah sa-ramai 18,560 orang (10.5%) dan bagi Daerah Temburong pula pendudok-nya berjumlah 6,580 orang (3.7%).

Pembahagian pendudok mengikut bangsa2 pula menunjokkan Bangsa Melayu maseh mengatasi bangsa2 lain ia-itu berjumlah 105,-230 orang (59.5%) dan di-ikuti oleh bangsa China sa-ramai 42,720 orang (24.1%) serta bangsa Asli lain sa-ramai 18,280 orang (10.3%) dan lain2 bangsa sa-ramai 10,770 orang (6.1%).

Berikut ini ia-lah Anggaran Pendudok mengikut jentina dan kumpolan umor lima tahun pada pertengahan tahun 1976 dan anggaran pendudok mengikut jentina satu2 daerah pada pertengahan tahun yang sama.

**ANGGARAN PENDUDOK MENGIKUT JENTINA DAN KUMPOLAN UMOR LIMA TAHUN PADA PERTENGAHAN TAHUN 1976**

| Kumpolan Umor | Lelaki | Perempuan | Jumlah |
|---|---|---|---|
| 0– 4 | 12,960 | 11,930 | 24,890 |
| 5– 9 | 11,200 | 10,720 | 21,920 |
| 10–14 | 10,160 | 9,400 | 19,560 |
| 15–19 | 9,860 | 9,000 | 18,860 |
| 20–24 | 9,640 | 7,670 | 17,310 |
| 25–29 | 8,230 | 5,900 | 14,130 |
| 30–34 | 6,670 | 4,010 | 10,680 |
| 35–39 | 5,670 | 3,820 | 9,490 |
| 40–44 | 5,340 | 3,550 | 8,890 |
| 45–49 | 5,760 | 2,600 | 8,360 |
| 50–54 | 6,060 | 2,180 | 8,280 |
| 55–59 | 4,420 | 1,700 | 6,120 |
| 60–64 | 1,620 | 940 | 2,560 |
| 65–69 | 1,310 | 1,080 | 2,390 |
| 70 ka-atas | 2,200 | 1,400 | 3,600 |
| Jumlah | 101,100 | 75,900 | 177,000 |

**ANGGARAN PENDUDOK MENGIKUT JENTINA TIAP2 DAERAH PADA PERTENGAHAN TAHUN 1976**

| Daerah | Lelaki | Perempuan | Jumlah |
|---|---|---|---|
| Brunei dan Muara | 52,250 | 42,110 | 94,360 |
| Belait | 35,180 | 22,320 | 57,500 |
| Tutong | 9,980 | 8,580 | 18,560 |
| Temburong | 3,690 | 2,890 | 6,580 |
| Jumlah | 101,100 | 75,900 | 177,000 |

Ramai kematian sa-panjang tahun 1976 ia-lah sa-ramai 668 — orang 360 orang lelaki dan 308 orang perempuan.

Untok membuat perbandingan antara keramaian kematian dan kelahiran pendudok Negeri Brunei dalam tahun 1976 boleh-lah kita berpandukan saperti berikut : —

Kelahiran dalam tahun ini ada-lah berjumlah 5,300 orang — 2,722 orang lelaki dan 2,578 orang perempuan dari angka2 kelahiran itu tadi dapat-lah kita membandingkan, perbezaan ramai kematian dan kelahiran dalam tahun ini, kalau kematian hanya sa-ramai 668 orang sedangkan kelahiran sa-ramai 5,300 orang maka terbokti penambahan pendudok dari semula jadi (dari kelahiran) sa-ramai 4,632 orang.

# Hasil keluaran minyak

SERIA.—Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad mengumumkan bahawa hasil keluaran minyak mentah dalam tiga bulan terakhir tahun 1977 ia-lah berjumlah 225,723 tong sa-hari.

Menurut satu kenyataan yang di-keluarkan oleh Sharikat itu dalam bulan lalu menunjokkan bahawa sa-bahagian besar dari minyak tersebut di-perolehi dari telaga2 di-luar pantai ia-itu sa-jumlah 194,504 tong sa-hari dan yang baki-nya di-perolehi dari telaga2 di-darat.

Sharikat itu juga mengumumkan, dalam tempoh yang sama sa-banyak 41 kago gas chechair telah di-export ka-negeri Jepun. Dari jumlah itu sa-banyak 12 kago di-export dalam bulan Oktober; 14 dalam bulan Nobember dan 15 dalam bulan Disember.

# Perubahan talipon

ADA-LAH di-maalumkan untok pengetahuan umom bahawa mulai dari 2hb Februari yang lalu, talipon yang tersebut di-bawah ini ada-lah nombor baharu bagi Steshen Kilanas untok Ibu Sawat kapada semua sambongan kapada yunit tersebut :

Bandar Seri Begawan :
85-352*
85-353
85-354

Nombor yang di-gunakan sekarang 24283 ada-lah dengan ini di-tiadakan.

No. 85-352 ada-lah di-sabong terus sa-lepas jam 3.00 petang.

# Kursus jurulateh pengakap

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persekutuan Pengakap Negeri Brunei akan mengadakan satu kursus Penolong2 Jurulateh Pemimpin2 Pengakap Kebangsaan di-Brunei sa-lama enam hari. Kursus yang bermula dari 17hb hingga 22hb April, 1978 itu akan di-adakan di-Perkhemahan Pengakap, Batu 4, Jalan Gadong, Brunei.

Kursus ini ada-lah kali pertama di-adakan di-negeri ini yang di-jalankan sendiri oleh Pasokan Latehan Kebangsaan Brunei, di-ketuai oleh Pesurohjaya Latehan Kebangsaan Brunei, Awang Mahmud Shahrani bin Awang Othman. Beberapa orang Jurulateh2 Antarabangsa dari Ibu Pejabat Pengakap Rantau Asia-Pacific yang berpusat di-Manila di-jangka akan datang ka-Brunei bagi membantu Jurulateh2 tempatan.

Kursus ini ada-lah terbuka kapada Pesurohjaya2, Pemimpin2 Pengakap yang bertauliah Wood-Badge yang berkechenderongan untok menjadi Jurulateh di-masa hadapan. Sa-tiap peserta di-kenakan bayaran sa-banyak $50.00.

Borang yang boleh di-perolehi dari Setiausaha Latehan, d/a Awang Mohd. Hassan bin Haji Awang Timbang, Jabatan Muzium Brunei, Kota Batu, hendak-lah di-kembalikan kapada Pasokan Latehan Pengakap Kebangsaan, Brunei tidak lewat dari 15hb Mach, 1978.

# Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh rendah di-kedai Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula bagi minggu 23hb. Februari, 1978.

**BANDAR SERI BEGAWAN**

1. KACHANG TANAH — $1.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:
   a) Chop Chin Seng, No. 107, Jalan Chevalier,
   b) Leong Soon Huat, No. 1, Jalan McArthur.
   c) Lam Seng, No. 3, Jalan McArthur,
   d) Leong Huat, No. 57, Jalan Sultan,
   e) Liong Yu Co., No. 58, Jalan Sultan,
2. BAWANG BESAR — 80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   a) Sharikat Haji Abdul Rahman, No. 94, Jalan Chevalier,,
   b) Ming Thai & Co., No. 32, Jalan Sultan,
3. GARAM HALUS (Chap Play Basketball) — 50 sen sa-kotak boleh di-beli dari kedai berikut :
   A. Muthian, No. 9, Jalan McArthur.

**KUALA BELAIT**

1. KACHANG TANAH — $1.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:
   a) Kok Kee, No. 60, Jalan Pretty.
   b) Chop Haw Min, No. B, Bangunan Dewan Perdagangan China,
   c) Yin Tai, No. D, Bangunan Dewan Perdagangan China,
   d) Ng Ming Hong, No. E, Bangunan Dewan Perdagangan China,
2. BAWANG BESAR — 90 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Chop Lian Ho, No. 24, Jalan Pretty,
   d) Fah Seng Company No. 27, Jalan Pretty,
   c) Seng Hup Hin, No. 30, Jalan Pretty,
   d) Teo Hiang Hng, No. 45, Jalan Pretty,
   e) Chop Hwa Min, No. B, Bangunan Dewan Perdagangan China
   f) Yin Tai, No. D, Bangunan Dewan Perdagangan China
3. GARAM HALUS (Chap Play Basketball) — 50 sen sa-kotak boleh di-beli dari kedai berikut :
   a) Yick Yuen, No. 3, Jalan Pretty.
   b) Tan Boon Heng & Sons. No. 33, Jalan Pretty,
   c) Kok Kee, No. 60, Jalan Pretty.

**SERIA**

1. KACHANG TANAH — $1.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Chop Kim Huat, No. 53, Jalan Bunga Kuning,
2. BAWANG BESAR — 80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Chop Yick Hoe, No. 7, Jalan Sultan Omar Ali,
   b) Choo Heng Company, No. 30, Jalan Sultan Omar Ali,
   c) Hudson Company, No. 31, Jalan Sultan Omar Ali,
   b) Yick Fatt, No. 36, Jalan Sultan Omar Ali,
   e) Chop Nam Wah, No. 64, Jalan Bunga Kenanga,
   f) Poh Sing, No. 65, Jalan Kenanga,
   g) Wong Wah Seng Trading, No. 73, Jalan Bunga Kenanga.
3. GARAM HALUS (Chap Play Basketball) — 50 sen sa-kotak boleh di-beli dari kedai berikut :
   Chop Kim Huat, No. 53, Jalan Bunga Kuning,



Y.A.M. Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin.

# DARI DEWAN MAJLIS

## AHLI DEWAN DAN RAAYAT DI-SERU MEMBERIKAN KERJASAMA KPD. PEGAWAI

MENTERI BESAR, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail, ketika menyampaikan uchapan penanggohan-nya sa-belum sidang permashuaratan ke-15 itu di-tanggohkan, terlebeh dahulu menyembahkan ribuan terima kaseh di-atas kesabaran dan kebijaksanaan yang telah di-buat oleh Yang Dipertua Dewan Majlis, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar, yang telah mempengerusikan Dewan Majlis sejak 22hb Disember 1977 hingga 11hb Januari, 1978 yang telah lalu, dengan jaya-nya.

Yang Amat Mulia Menteri Besar itu juga telah menerangkan bahawa persidangan pertama, dari musim permashuaratan ke-15; telah meluluskan sebelas Rang Undang2 dan satu ketetapan. Rang Undang2 yang telah di-luluskan itu, tentu akan mendatangkan faedah kapada raayat dan pendudok di-negeri Brunei yang di-chintai ini.

Yang Amat Mulia itu berseru kapada Ahli2 Dewan yang di-lantek dan juga kapada raayat serta pendudok di-negeri ini supaya akan sentiasa memberikan kerjasama mereka kapada pegawai2 yang akan menjalankan undang2 tersebut supaya ia-nya akan lebeh berkesan lagi.

Di-samping itu juga, Yang Amat Mulia itu telah menguchapkan terima kaseh-nya kapada Ahli2 Yang Berhormat yang di-lantek atas sokongan yang telah di-berikan dalam menimbangkan undang2 dan ketetapan tersebut, walau pun kadang-kala terpaksa bertegang urat serta bergurau-senda.

Bagi pehak rakan2-nya di-sebelah sini, Yang Amat Mulia itu memohon ma'af kapada Ahli2 Yang Berhormat terhadap tembakan2 atau kekasaran2 kata yang telah di-keluarkan di-sepanjang sidang itu, sambil membawakan sa-rangkap pantun:—

*Jika ada jarum yang patah,*
*Jangan di-simpan di-dalam peti;*
*Jika ada hati yang marah,*
*Jangan di-simpan di-dalam hati.*

Yang Amat Mulia Menteri Besar itu telah mengakhiri uchapan-nya dengan menchadangkan agar persidangan Majlis Mashuarat Negeri dari musim permashuaratan ke-15 itu di-tanggohkan sa-hingga satu masa yang akan di-tetapkan kelak.

Ketika menchadangkan satu usol yang telah di-luluskan dengan sa-bulat suara, ia-itu supaya Ahli Dewan Majlis menyembahkan uchapan sepenoh2 menjunjong kaseh kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, di-atas keberangkatan dan titah Baginda, Yang Amat Mulia itu bersabda bahawa berasaskan kemajuan dan perkembangan yang terus menerus di-usahakan oleh Kerajaan, tidak shak lagi ia-nya akan dapat di-nekmati oleh sa-genap lapisan raayat dan pendudok di-negeri ini yang akan dapat meninggikan taraf hidup seluroh-nya.

Kerajaan Kebawah DYMM juga akan terus menerus berusaha dalam bidang keselamatan bagi menambah lagi keharmonian supaya taraf hidup raayat di-negeri ini akan dapat di-chapai, jelas-nya.

Kerajaan Kebawah DYMM, tambah-nya, akan sentiasa menghulorkan tali silatulrahim untok berbaik2 kapada orang yang ingin berbaik2 dengan kita.



Gambar ini menunjokkan Ahli2 Yang Berhormat sedang mengadakan lawatan ka-Pusat Pertanian Selangan, Daerah Temburong dalam rangka lawatan mereka ka-Temburong yang telah di-adakan baru2 ini. Rombongan tersebut telah di-ketuai oleh Pengiran Speaker, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar.

# Majikan2 di-kehendaki mendapatkan pulisi insuran

YANG Berhormat Pegawai Kewangan Negara, Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama Awg John Lee, sa-waktu menchadangkan Rang Undang2 Pampasan Pekerja (Pindaan), antara lain menjelaskan bahawa satu perubahan yang utama dalam Rang Undang2 ini ia-lah semua majikan2 ada-lah di-kehendaki melindongi diri mereka dengan mendapatkan Pulisi Insuran, di-bawah Rang Undang2 Pampasan Pekerja (Pindaan) ini.

Pampasan yang telah di-chadangkan dalam Rang Undang2 tersebut antara-nya termasok-lah jumlah2 pampasan yang di-bayar sa-kali gus, sekira-nya si-pekerja itu mati, kehilangan upaya, kehilangan sa-bahagian daya pendapatan sementara, jelas-nya.

Kata-nya lagi, tujuan utama undang2 tersebut ia-lah menaikkan jumlah pempasan yang harus di-bayar. Undang2 itu telah di-luluskan sejak 20 tahun yang lalu dan jumlah2 pampasan yang telah di-peruntokkan ada-lah tidak lagi realistik pada ketika ini.

### TENAGA2 BUROH MENDAPAT PERHATIAN DARI KERAJAAN

Menyokong usol yang telah di-bentangkan oleh Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negara itu, Yang Berhormat Malai Haji Mashor menyatakan bahawa tenaga2 buroh sekurang2-nya mendapat perhatian dari Kerajaan. Dan ini di-sifatkan-nya sa-bagai satu langkah yang amat bijaksana.

Yang Berhormat itu juga mengharapkan agar perubahan2 dan pindaan2 akan terus di-usahakan terutama sekali mengenai dokumen2 buroh supaya bahasa yang di-gunakan dalam hal ini senang di-fahami.

Yang Berhormat itu juga melahirkan beberapa pendapat mengenai dengan buroh2 saperti pengangkutan yang di-sifatkan-nya sa-bagai ikan sadin, tempat2 kediaman buroh yang kurang sempurna, pas kerja dan alat2 keselamatan buroh bagi mengelakkan kejadian yang tidak di-ingini.



Y.B. Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama Awang John Lee.

Yang Berhormat Awang Abdul Latif bin Awang Abdul Hamid pula berpendapat bahawa kadar2 pampasan yang di-chadangkan itu ada-lah bagi menampong sedikit sa-banyak perbelanjaan keluarga yang terlibat.

Kata-nya, langkah berjaga2 bagi mengelakkan kemalangan supaya dapat di-kuat-kuasakan oleh Kerajaan, saperti pemakaian alat2 keselamatan sa-waktu menjalankan tugas.

Pehak2 majikan hendak-lah juga menitek-beratkan dalam melindongi buroh2 mereka saperti memberikan sa-chara insuran.

Yang Berhormat Awang Chong Seng Toh pula berharap supaya Rang2 Undang2 tersebut akan dapat di-kuat-kuasakan dengan seberapa segera. Rang Undang2 Pampasan Pekerja (Pindaan) itu telah di-luluskan dengan sa-bulat suara.

# Dasar baru Laporan Surohanjaya Pelajaran

YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri ketika menjawab tegoran dari salah sa-orang Ahli Dewan bukan kerana jawatan terhadap kekurangan peralatan sekolah, menjelaskan bahawa Kerajaan telah membuat satu dasar baru dengan apa yang lebeh di-kenal sa-bagai Laporan Surohanjaya Pelajaran. Dalam laporan ini-dasar2 bagi perlaksanaan persekolahan di-rumuskan dengan aspek2 tertentu.



Y. B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr) Awang Haji Mohd Jamil Al-Sufri.

Sambil menunjokkan Laporan Surohanjaya Pelajaran itu, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja menambah kata, laporan ini-lah merupakan garis2 kasar ka-arah perlaksanaan yang di-kehendaki dan buku laporan ini boleh di-dapati, sa-kira-nya ada izin kebenaran dari Menteri Besar.

Mengenai dengan tugas2 Nazir, saperti yang telah di-timbulkan, Yang Berhormat itu menerangkan bahawa tugas2 Nazir hari ini tidak-lah sama dengan tugas Nazir dahulu. Tugas2 Nazir sekarang untok melihat, memerhati sambil mengambil rekod2 atau chatetan terhadap apa2 jua kekurangan di-dalam sa-sebuah sekolah itu untok di-ajukan kapada Jawatankuasa Surohanjaya Pelajaran ini bagi meneliti dan mengambil tindakan tertentu pada apa2 jua yang berbangkit dengan-nya.

Langkah Kerajaan bagi memberikan latehan kapada guru2 dari satu masa ka-satu masa ada-lah di-hajatkan supaya mereka itu mempunyai kebolehan *up to date*. Ini juga termasok dalam Surohanjaya Pelajaran, ia-itu, dengan memberikan mereka kursus2 tertentu bagi menyelaraskan perkembangan ilmu pengetahuan mereka dengan kemajuan2 pelajaran yang baharu, jelas-nya.

Yang Berhormat itu menegaskan lagi bahawa sistem pelajaran yang di-gunakan hari ini, memang-lah berbeza jika di-bandingkan dengan sistem pelajaran dahulu. Di-samping itu, Yang Berhormat itu menyebut yang guru2 itu ada-lah akitek dan ada-lah perlu bagi guru2 itu meninggikan ilmu pengetahuan mereka.

Mengenai dengan sekolah2 di-Kampong Ayer, Yang Berhormat itu menjelaskan tujuan Kerajaan mengadakan sekolah2 tersebut ia-lah untok memberi peluang bersekolah kapada mereka yang berhampiran, terutama sekali bagi kemudahan kanak2 *damit* bersekolah. Dan Kerajaan sememang-nya berchadang untok mengadakan Sekolah2 Menengah di-Kampong Ayer. Pokok-nya, segala ranchangan2 itu di-buat sa-telah mengkaji-nya sa-chara mendalam.

Sekolah Pre-Universiti, tambah-nya, sedang berjalan dengan lanchar, dan mudah2an jika tidak aral gendala-nya, ia-nya akan siap dalam bulan Mei atau selewat2-nya bulan Jun, 1978.



His Highness the Sultan addressing the moslems gathering at the Town Padang to celebrate the Prophet Mohammed's birthday.

# PROPHET MOHAMMAD'S BIRTHDAY PROCESSION

BANDAR SERI BEGAWAN.—Nearly thirty thousand moslems in the Brunei/Muara district on the morning of Feb. 20 gathered at the town padang here to take part in a massive procession marking the birthday of the Prophet Mohammed.

The people represented one hundred and thirty teams from youth and welfare associations, government departments, kampongs, schools and colleges in the district.

The procession, which was led by Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah, began from the padang itself and took a three mile route returning to the padang.

Others taking part in the march were the General Adviser to His Highness the Sultan, Y.T.B. Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa and the Menteri Besar, Y.A.M. Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin.

The rally began with a Koran reading presentation by the winner of last year's International Koran Reading Competition, Awg Haji Mashud bin Haji Damit, and was followed by a speech from His Highness the Sultan.

His Highness the Sultan was later introduced to teams taking part in the procession.

The acting State Religious Affairs Officer, Awg Haji Yahya bin Haji Ibrahim also spoke at the gathering.

The D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan and other members of the royal family also attended the the celebrations.

Meanwhile, a similar procession was also held at Bangar Town in the Temburong district that morning.

Several thousand moslems took part in the march, which began at the Sultan Hassan Malay School padang.

The birthday of the Prophet Mohammed was also marked with a massive procession in the Belait and Tutong district on Sunday.

## Scouts training course

BANDAR SERI BEGAWAN.—The Brunei Scout Association will hold a training course for assistant scout leaders at the Scout Headquarters in Jalan Gadong from the seventeenth of April.

The six-day course, first to be held in the State, will be conducted by the National Training Commissioner, Mahmud Shahrani bin Othman.

Several international trainers from the Scout Headquarters for the Asia-Pacific Region in Manila are also expected to assist in conducting the course which is open to all scout commissioner and scout leaders who have been awarded the woodbadge.

Entry forms can be obtained from the Training Secretary, Awang Mohammad Hassan bin Haji Timbang at the Brunei Museum in Kota Batu.

## Million dollars road project

BANDAR SERI BEGAWAN. — The government has announced plans to build new roads and widen some of the existing roads in the municipal area here in an effort to ease traffic congestion.

Under the plans, three roads will be built: One will be connect the Pusar Ulak Malay School with Jalan Kumbang Pasang, another will be from Jalan Sumbiling Lama to Jalan Istana Darusalam, and the third will connect Jalan Kianggeh with Jalan Subok.

Meanwhile, part of Jalan Berakas is being widened.

More than a million dollars is to be spent on the whole project.

## *Red tide might reappear*

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Fisheries Department has warned that there is a possibility, that the red tide which affected Brunei's coastal waters about a year ago might reappear.

A spokesman for the Department said that, organisms from the red tide may cause certain seafoods to become poisonous, and has asked that members of the public keep a lookout for signs of changes in the coastal waters.

The red tide can be identified by a red of brown discolouration of the sea, usually in distinct patches, and dead or dying fish or seabirds, either floating in the sea or washed ashore.

Anyone noticing these signs is asked to note the location of the discoloured patch-of-water and to collect samples of the water and the dead fish or birds for examination.

Officials of the Fisheries Department can be contacted at the following numbers: —

During Office hours at 22067 or 24131 or after office hours at 26880, 25715, 23646.

## Policemen receive judo belts

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Acting Commissioner of Police, Dato Charles Miller presented judo belts and certificates to thirty-five Police recruits as well as staff of the Police Training Centre on Thursday afternoon.

The presentation ceremony was held at the Police Training Centre in Jalan Muara.

Nearly two thousand police personnel have been awarded judo belts to date, and these include a considerable number of black, brown and blue belts.

## Traffic games contest

BANDAR SERI BEGAWAN. — A traffic games competition which is to be held later this year to encourage road safety will first be held at district level and will begin in the Tutong District in April.

The state final competition will be held in September.

This was decided at a meeting held recently at the Education Department here.

The Brunei Shell's Public Relations Officer Syed Ahmad Fadzullah Ali, who chaired the meeting was elected chairman of executive committee to run the competition which is open to school children under thirteen years of age.

Each team will have fifteen pupils.

## Brunei Cambridge result

BANDAR SERI BEGAWAN. — In Brunei Cambridge Certificates of Education examination held last year, the percentage of passes was 38.54 percent.

One thousand seven hundred and forty-one candidates sat for the examination only 671 passed.

The candidates were students from government, mission and Chinese schools.

The top government school was the Perdana Wazir English School from Kuala Belait, with a pass rate of over 44 per cent, while the top students were Chew Kim Kee of SOAS College in Bandar Seri Begawan, Eve Mei Ling Gallop from the Sufri Bolkiah school in Tutong, and Jeanie Wong Mee Hwa from St. Angela's Convent School in Seria.

Each of them gained eight passes.

## Books exhibition

BANDAR SERI BEGAWAN. — A books exhibition organised by the Brunei Association of Teachers of English as a foreign language was opened at the town hall here last Thursday by YDM Dayang2 Diraja Datin Rosnah, the wife of the general adviser to His Highness the Sultan.

More than 30,000 books were on display. They were provided by twenty-nine international publishing companies as well as local firms.

The exhibition was open to public from last Friday until Sunday.



The Asia Radio Team of Kuala Belait getting ready to start the Team Time Trials last Sunday morning.

## Camp-fire

SERIA.—More than 100 girl guides from seven schools in the Belait District last Monday night held a camp-fire at the compound of the Brunei Shell Managing Director's residence in Panaga.

The camp-fire was organised by the Belait District Girl Guides Association in remembrance of the scouting pioneers, Lord and Lady Baden Powell.

It was part of the association's annual programme which included singing, dancing and presentations by the guide packs.

The Chairman of the Belait Girl Guides Association, Datin Cordingley and the Commissioner of the association Dayang Maimoon were among those present at the camp-fire.

## Importation of meat

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Union of Soviet Socialist Republics has temporarily prohibited the importation of postal items containing meat or meat products into the USSR.

The Acting Postmaster General, Pengiran Jaludin P.L. in a statement said the abovementioned products will not be returned to country of origin but will be dealt with according to the instructions of the USSR Veterinary authorities.

# KHUTBAH JUMAAT



## SIFAT TERPUJI RASULULLAH s.a.w. YANG PATUT DI-AMBIL CHONTOH

BERSEMPENA dengan bulan Maulud, banyak perkara yang boleh kita perkatakan mengenai riwayat hidup Rasulullah s.a.w., mengenai sifat2 Baginda yang terpuji, yang sukar di-tanding dan payah di-chari. Selaku sa-orang Muslim yang sedar, mempelajari dan mengetahui sifat2 Baginda yang mulia itu, akan menimbulkan rasa megah dan insaf bahawa ini-lah orang-nya yang wajib di-ikuti atau di-chontohi. Jika manusia hari ini memerlukan sifat2 yang jujor dan amanah, maka semua itu lihat-lah kapada Nabi. Jika kita hari ini memerlukan keberanian dan ketegohan hati untok membangun hidup dan meninggikan Ugama Allah, maka semua itu ambil-lah chontoh dari Nabi. Keperluan manusia bermula dari azam dan jiwa-nya. Jika azam-nya lemah dan jiwa-nya kechil, bermakna tidak ada sesuatu yang besar boleh di-buat. Sebab itu-lah, kehidupan Nabi2 itu tidak putus2 di-uji dengan rintangan2 yang berat2 dan pahit, supaya kesabaran dan ketegohan jiwa mereka.

Nabi Muhammad s.a.w., dari mula2 lagi, tidak putus2 mendapat rintangan dan gangguan, dari yang kechil2 hingga yang sa-besar2-nya, dan bahkan sampai hendak di-bunoh. Tetapi Baginda tetap tegak tidak berundor sedikit pun, saperti sabuah gunong batu yang pejal.

Penganggu2 dan pengejek2 Baginda itu ada-lah terlalu ramai, dan kebanyakan terdiri dari kaum keluarga Baginda sendiri, yang di-ketuai oleh nama yang sangat terkenal ia-itu Abu Jahal.

Antara chontoh2 gangguan itu saperti pernah di-buat oleh Uqbah meletakkan di-atas belakang Baginda tali perut kambing yang maseh berisi najis, oleh Abu Lahab, bapa saudara Baginda sendiri, pernah membuang najis di-muka pintu rumah Baginda. Dan bahkan oleh Uqbah juga pernah menchekek leher Baginda dengan kain selindang-nya sahingga datang Syedina Abu Bakar untok menghalang. Dan banyak lagi chontoh2 yang boleh di-kemukakan, yang lebeh dahshat dari itu pun ada. Namun semua gangguan, chachian dan aniaya itu telah di-terima oleh Nabi dengan segala tetap hati.

Dalam masa satu perempat abad, yakni 23 tahun Baginda Rasulullah bekerja dengan sabar menyiarkan ugama Islam, dan dalam masa yang tersebut itu pula Baginda bukan sahaja di-tindas atau di-sakiti sachara kekerasan, bahkan juga chuba di-pujok melalui chara2 yang halus dengan janji2 indah, asal saja Baginda itu berhenti dari menyiarkan dakwah Islamiah. Tetapi semua itu telah di-tolak oleh Baginda dengan sabda-nya yang sangat mashor, yang bermaksud kira2: "Kira-nya mereka letakkan matahari di-tangan kananku dan bulan di-kirikan supaya aku tinggalkan urusan ugama ini, aku tidak akan tinggalkan dia, sa-hingga Allah menangkan ugama ini atau aku binasa kerana-nya."

Demikian-lah, gambaran betapa besar-nya peribadi Rasulullah dan tegoh-nya jiwa Baginda dalam menghadapi kekafiran dan kekejaman. Semua ini mari-lah kita bercermin dan mengambil tauladan daripada-nya, kerana sa-bagaimana umat Islam dahulu kala, maka hari ini juga umat Islam itu tidak berhenti2 di-uji dan di-giring kapada sesuatu yang berlawanan dengan prinsip2 hidup Islam.

## Memelok ugama Islam



Awg Nordin bin Abdullah.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-orang pemuda Tiong Hwa yang berasal dari Serian, Sarawak, Jong Jin Kui, 28 tahun, telah memelok ugama Islam.

Majlis pengIslaman itu telah di-langsongkan di-Jabatan Hal Ehwal Ugama pada hari Sabtu lalu. Beliau memileh nama Islam-nya sa-bagai Md. Yusof bin Abdullah.

Sa-belum itu sa-orang bangsa Gurkha juga telah memelok ugama Islam bertempat di-Jabatan Perpindahan di-Bandar Seri Begawan pada 15hb Februari minggu lepas.

Beliau ia-lah Narbadur Chetri, yang kini di-kenali sa-bagai Nordin bin Abdullah.

Kedua2 orang saudara baru itu melafadzakan ikrar Islam-nya di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Haji Ismail bin Matserudin, Pembantu Perkembangan Ugama di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

## Sa-tiap janji harus di-tepati

### Bingkisan minggu ini

SALAH satu akhlak atau peribadi orang Islam yang berhubong rapat dengan kehidupan sa-hari2 ia-lah 'menunaikan janji'. Manusia tidak mungkin lupa makan dan minum, kerana di-ingatkan oleh perasaan lapar dan dahaga. Sebab makan atau minum itu ada-lah tabi'at sa-mula jadi manusia — yang diperlukan-nya dalam kehidupan sa-hari2.

Di-samping itu, satu perangai atau tabi'at manusia ia-lah 'suka berjanji' dan mudah pula melupakan-nya. Membuat perjanjian atau pengakuan terhadap sesuatu ketentuan itu memang mudah, kadang2 dengan mengatakan "ya" saja sudah chukop. Tetapi untok melaksanakan-nya — selalu susah. Bagi sa-orang Islam yang benar2 menghayati Islam itu — ia tidak mudah membuat janji. Kerana orang yang sanggup berjanji sanggup pula menebus meruah-nya. Sebab janji ada-lah harus atau perlu di-tepati. Maka kalau janji di-engkari atau tidak di-tunaikan — sa-seorang itu akan di-chap sa-bagai pembohong atau pendusta.

Sa-chara umom janji itu dapat-lah di-bahagikan kapada tiga bahagian.

*Pertama:* Janji manusia terhadap Allah, ia-itu mengerjakan ibadat yang di-suroh dan memenohi tugas2 serta keperluan hidup sa-hari2.

*Kedua:* Janji terhadap diri sendiri—pada lazim-nya tatkala menghadapi sesuatu kesusahan atau kesulitan, saperti sakit, menghadapi pepereksaan dan sebagai-nya. Lalu bernazar, umpama-nya: Bila dia lulus peperek-saan G.C.E., dia akan berpuasa sa-lama tiga hari. Maka janji ini wajib di-tunaikan jika ia betul2 lulus.

Dan *ketiga:* ia-lah janji terhadap sa-sama manusia atau masharakat; ia-itu janji2 yang terdapat dalam semua aspek penghidupan, kerana ia-nya (janji) itu merupakan alat perhubongan dan pergaulan sa-sama manusia baik dalam lingkongan keluarga atau masharakat atau urusan2 kerajaan. Umpama-nya janji pemimpin terhadap raayat-nya; janji bapa terhadap anak-nya; janji suami terhadap isteri-nya dan bermacham2 lagi. Asalkan janji2 itu mendatangkan munafaat, maka perlu-lah di-tunaikan.

Lantaran semua itu, chuba kita kaji diri kita sendiri dan nilai baik2. Pernahkah kita membuat janji? Sudahkah di-tunaikan? Adakah memuaskan hati orang yang kita perjanjikan itu? Kalau jawapan-nya negatif; tunggu-lah di-satu masa akan kejatohan nilai2 peribadi kita, meruah kita dan kejatohan segala2-nya. Allah tetap akan menghukom. Di-samping itu masharakat juga memandang hina dan akhir-nya kita akan terkorban tertimbus oleh janji2 kita yang palsu itu.

Berhubong dengan masaalah ini ada baik-nya kita rujok kapada firman Allah s.w.t. di-dalam Al-Qur'an Surah Ar-Ra'du ayat 25 yang bermaksud kira2:

"Orang2 yang melanggar janji2 Allah sa-sudah tegoh, dan mereka putuskan hubongan dengan apa2 yang telah di-perintahkan Allah menghubongkan-nya, dan mereka yang membuat benchana di-atas muka bumi ini, itu-lah orang2 yang akan mendapat laknat (kutokan), dan mereka kelak mendapat kediaman yang amat burok".

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 1hb Mach, 1978, hingga ka-hari Selasa 7hb Mach, 1978 ada-lah saperti di-bawah ini : —**

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1hb Mach | 12.38 | 3.57 | 6.38 | 7.49 | 5.01 | 5.16 | 6.31 |
| 2hb Mach | 12.38 | 3.57 | 6.38 | 7.49 | 5.01 | 5.16 | 6.31 |
| 3hb Mach | 12.38 | 3.57 | 6.38 | 7.49 | 5.01 | 5.16 | 6.31 |
| 4hb Mach | 12.38 | 3.57 | 6.38 | 7.49 | 5.01 | 5.16 | 6.31 |
| 5hb Mach | 12.38 | 3.57 | 6.38 | 7.49 | 5.01 | 5.16 | 6.31 |
| 6hb Mach | 12.37 | 3.56 | 6.37 | 7.48 | 5.00 | 5.14 | 6.29 |
| 7hb Mach | 12.37 | 3.56 | 6.37 | 7.48 | 5.00 | 5.14 | 6.29 |

**Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.**

**Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.**

## Jadual lawatan doktor terbang

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan telah menyusun jadual lawatan doktor terbang ka-kawasan2 pendalaman bagi bulan Mach ini. Menurut jadual lawatan itu, rombongan tersebut akan melawat tujoh buah kampong di-Daerah Tutong; empat buah di-Daerah Belait dan tiga di- Daerah Temburong.

Kampong2 di-Daerah Tutong yang akan di-lawati oleh rombongan tersebut ia-lah Benutan pada hari ini, 1hb Mach; Panchong pada 8hb Mach; Ukong pada 13hb Mach; Belabau pada 15hb Mach; Supon Besar pada 21hb Mach; Long Mayan dan Supon Kechil pada 22hb Mach dan Bukit pada 27hb Mach.

Rombongan doktor terbang itu akan melawat ka-kampong2 di-Daerah Belait pada tarikh2 saperti berikut:

Kampong Sukang pada 14hb Mach; Kampong Melilas pada 20hb Mach; Kampong2 Baran dan Teraja pada 28hb Mach dan Kampong Buau pada 29hb Mach.

Rombongan tersebut akan berada di-Kampong Lopat, Temburong pada 6hb Mach dan Kampong2 Biang Menengah dan Lamaling pada 7hb Mach.

Ada-lah di-harapkan kapada pendudok2 kampong yang berkenaan yang memerlukan rawatan perubatan supaya bersedia di-tempat2 yang selalu-nya di-gunakan sa-bagai kelinik sementara apabila rombongan tersebut melawat ka-kampong mereka. Kad2 perubatan jika ada hendak-lah juga di-bawa bersama.

# SEMINAR DAKWAH ISLAMIAH BELIA

## MANUSIA DAN DISIPLIN SERTA PERATORAN

**SATU sistem, apa jua sistem di-dalam dunia di-dalam alam malaut dunia dan langit ada peratoran dan disiplin. Tanpa atoran, sistem itu akan mati. Engine rumput mithal-nya satu sistem yang mudah — Tetapi kalau tidak ada peratoran pemakai-nya dalam menggunakan minyak pelichin, minyak M, chara pemeliharaan, maka satu masa kelak sesudah berbulan2 di-pakai meshen itu akan rosak, pechah "crank case"-nya. Demikian-lah satu aspek kehidupan yang boleh di-umpamakan dengan manusia.**

Manusia dalam hidup-nya ada-lah satu sistem. Tetapi kesempurnaan sistem itu tergantong kapada kesempurnaan penggunaan-nya. Banyak manusia menchipta sistem untok chara hidup dari zaman dahulu sampai sekarang. Undang2 di-buat, perlembagaan di-gubal, peratoran2 di-susun-nya untok menyusun satu chara menjalankan sistem hidup itu.

Tetapi sepanjang masa sejarah belum ada satu disiplin atau undang2 manusia yang tegap, sempurna kekal, kerana sa-tiap masa manusia itu berubah, memerlukan sa-suatu. Di-Brunei umpama-nya dahulu tidak ada lampu isharat. Orang boleh berjalan menurut kemahuan-nya, maka di-buatkan lampu isharat supaya lalu-lintas bisai dan terator. Dahulu orang boleh meletak kereta di-tepi2 jalan bila2 masa saja, sekarang tidak dapat demikian, undang2 tempat penarohan kereta telah ada.

Tetapi ini semua-nya hanya satu jurusan saja. Ia-itu apa yang ada. Manusia boleh mengator apa yang boleh di-ator-nya. Kalau kita perhatikan jurusan lain, kita dapati manusia itu tidak dapat mengator perkara2 yang abstrak, yang tidak di-lihat dengan mata. Saya berikan satu chontoh: Kita buat undang2 untok menghukum penchuri atau pengedar dadah. Tapi kita tidak sediakan orang2 atau tenaga untok menangkap penchuri atau pengedar dadah itu atau kita tidak ada pengawal2. Berguna-kah undang2 itu? Takut-kah mereka itu? Undang2 buatan manusia itu di-takuti hanya kalau ia di-lihat kesan-nya. Ada pulis, ada pegawai2 kastam, ada mahkamah, ada penyiasatan dan sa-umpama-nya. Itu belum tentu menjamin, kerana barangkali pegawai2 itu lemah, "corrupt" dan sa-umpama-nya.

Dari chontoh2 ini nyata kapada kita tiap2 sistem chiptaan manusia itu hanya satu jurusan saja dari segi faedah-nya ia-itu dari segi kebendaan.

Ugama mengatakan ini tidak chukop, ugama mengukor perbuatan manusia itu dengan satu serampang dua mata, ia-itu dari segi kebendaan dan kerohanian — Pengukoran-nya tidak saja kerana benda yang nampak tetapi juga kerana benda yang tidak di-nampak — Manusia tidak mau menchuri bukan kerana ada pulis, tetapi kerana takutkan Allah yang melihat tetapi tidak di-lihat. Kita sembahyang bukan kerana segankan chakap2 orang tetapi kerana Allah menyuroh.

Saya suka menyebutkan sa-buah hadith mengenai ini. Suatu ketika Jibril datang berjumpa Nabi menyerupai sa-orang pengembara lalu bertanyakan tiga perkara, ia-itu Islam, Iman dan Ihsan — Dalam jawapan Nabi s.a.w. bersabda antara lain dalam hadith Baginda itu, ihsan erti-nya: *"Hendak-lah kamu menyembah Allah seolah2 kamu melihat-Nya, jikalau pun kamu tidak melihat-Nya maka Dia melihat kamu."*

الاحسان أن تعبدالله كـأنك تراه
فاءن لم تكن تراة فاءنه يراك.

Dengan chara ini sa-orang Islam akan bekerja dan menjalankan sistem hidup-nya itu dengan chara yang terator, dalam dua jurusan ia-itu material yang di-kehendaki-nya mengikut naluri-nya dan jurusan rohaniah mengikut surohan Allah s.a.w.

Dalam hubongan ini saya ingin menyentoh dua hal yang kaitan-nya dengan belia. Pertama masaalah belia2 yang kurang disiplin — dalam banyak bidang. Satu golongan belia2 kita suka memugut2, sa-olah2 tidak ada kerja lain akan di-lakukan. Satu chontoh; panchuran ayer berwarna di-tengah lagoon Masjid Omar Ali Saifuddin telah rosak di-puguti, lampu2-nya di-pechah dan kerugian di-anggarkan tidak kurang dari $6,000.00. Apa sebab-nya ini terjadi? Kerana perasaan takutkan dosa dan siksa itu tidak ada, oleh kerana tidak ada orang melihat maka di-puguti saja. Dia tidak sedar ada satu kuasa lain lagi sedang mengawasi-nya ia-itu kuasa Allah dan menanti satu ketika yang sesuai untok menghukum-nya.

Apa-kah untong-nya? Tidak ada, bahkan ia telah mendidek diri-nya dengan suatu perangai yang membahaya yang akan meleborkan diri-nya pada masa akan datang.

Hal yang kedua ia-lah belia2 yang sudah bekerja. Apa sebab sa-orang pegawai jadi malas bekerja? Lambat datang. Selalu keluar pejabat, banyak keluar minum, membeli lauk, dalam masa bekerja? Ini sebab-nya kurang rasa insaf terhadap kuasa yang memerhatikan — Kalau sudah pegawai2 kanan mithal mengulukan hal ini maka pegawai2 rendah tentu-lah lebeh lagi. Chuba kalau di-timbulkan kesedaran di-dalam diri: Aku bekerja ini kerana negara dan kerana ingin melihat negara ku maju. Berkhidmat kapada negara itu salah satu surohan ugama (tidak-lah salah kalau saya katakan berkhidmat kapada negara itu ada-lah Fardhu Kifayah dan boleh di-masokkan dalam tafsiran "jihad"). Jadi kita bekerja itu erti-nya wajib, di-suroh oleh Allah s.w.t. Maka oleh kerana surohan ugama bekerja itu mendapat pahala kalau baik dan berdosa kalau chuai atau salah. Jika kesedaran ini dapat di-timbulkan maka apa pun kerja di-mana2 — di-negeri kita ini akan maju — Tetapi tentu-lah kesedaran ini hanya boleh di-timba dengan ada-nya kesedaran berugama.

### NERACHA PERTIMBANGAN

Satu masa dahulu akhbar2 di-negeri ini, masharakat umom rioh rendah mengenai rambut panjang. Ada pehak yang mengatakan baik kerana ekonomi-nya, kerana itu kebebasan. Ada yang membantah-nya kerana orang2 berambut panjang ini selalu-nya tidak senonoh kelakuan-nya, tidak berseh kerana ba-

# BELIA DAN UGAMA

**oleh: HJ. YAHYA BIN HJ. IBRAHIM**

nyak kutu — dan lain2. Semua-nya ini merupakan pertimbangan akal manusia yang tiada berkesudahan. Kerana pertimbangan burok baik, jahat itu ada-lah tertaalok kapada nisbah hidup manusia itu sendiri dalam berbagai2 keadaan dan keadaan2 itu berubah2.

Sudah tentu manusia itu mau dan suka kapada perkara yang baik dan yang menyukakan hati. Tetapi apa-kah sa-tiap yang menyukakan hati dan sedap itu baik — Kalau demikian kita telah menjadi, sekali lagi, penganut aliran "pragmatisma".

Allah Ta'ala menerangkan dalam Al-Kor'an, ayat 216 dari Suratul-Baqarah:

وعسى أن تكرهوا شيئا وهو
خيرلكم وعسى أن تحبوا شيئا
وهو شرلكم والله يعلم وانتم لا
تعلمون.

Erti-nya: *"Dan boleh jadi kamu benchi kapada sa-suatu sedang dia baik bagi kamu boleh jadi kamu suka kapada sa-suatu sedangkan dia burok bagi kamu Dan Allah mengetahui sedangkan kamu tidak mengetahui."*

### BUROK DAN BAIK

Perlawanan antara burok dan baik itu tak kunjong padam api-nya dan manusia jadi korban-nya. Saperti juga dengan hawa nafsu maka perlawanan itu ia-lah perlawanan antara suatu kuasa ingin mengalahkan kuasa lain di-dalam jiwa manusia. Manusia, selagi ia mempunyai sifat manusia-nya itu hanya dapat mengetahui sedikit, dan kuasa-nya sangat terbatas. Jikalau kuasa pemikiran-nya ini juga di-gunakan untok menimbang perkara yang luas neschaya ia kalah, kerana ia melawan banyak pehak yang besar sedangkan ia hanya satu pehak.

Saya gambarkan dua gambar:

A




B




Gambar A menunjokkan betapa kuasa ugama itu menutop pintu ka-jalan keburokan dan akal tidak ada jalan lain selain dari masok ka-jalan kebaikan. Bandingkan ini dengan gambar B.

Di-dalam Al-Kor'an ayat2 mengenai perkara kebaikan (خير) (الخير) di-sebutkan tidak kurang dari 159 ayat sedangkan ayat mengenai keburohan (شر) (الشر) di-sebutkan tidak sampai ⅓ dari jumlah ayat mengenai kebaikan. Ayat itu ia-lah ayat2 yang melarang perbuatan2 yang menyebabkan berlaku-nya kejahatan2—Al-Kor'an memerintahkan manusia berbuat baik dan menjauhi berbuat jahat, antara-nya Allah berfirman:

3/198 وما عندالله خيرللاءبرار
7/25 ولباس التقوى خير
20/73 والله خيروابقى
وما تقعلون من خيريعلمه
2/197 الله
2/148 فاستبقوا الخيرات

Demikian-lah tiga aspek kegunaan ugama. Aspek2 ini hanya akan dapat di-sedari dengan menggunakan akal yang sempurna dan chara pemikiran yang teliti. Orang2 yang menggunakan akal saja-lah yang akan berjaya menggunakan kesempatan yang di-bukakan oleh Allah s.w.t. sa-masa mereka maseh bernyawa.

— TAMAT —

## Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 8hb. hingga 11hb. Mach, 1978

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA | |
|---|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Dato Gandi | 8.3.1978 | Rabu | 8.30- 9.00 | pagi |
| Sekolah Melayu Serasa | 8.3.1978 | Rabu | 10.00-10.30 | " |
| Sekolah Melayu Mentiri | 8.3.1978 | Rabu | 10.45-11.15 | " |
| Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar | 8.3.1978 | Rabu | 11.30-12.00 | T/hari |
| Kawasan Rumah Ketua Kampong, Serasa | 9.3.1978 | Khamis | 3.15- 4.15 | petang |
| Kawasan Rumah Ketua Kampong, Masjid Lama, Muara | 9.3.1978 | Khamis | 4.30- 5.30 | " |
| Kawasan Masjid, Kampong Sengkurong | 11.3.1978 | Sabtu | 2.00- 3.00 | " |
| Sekolah Melayu OKSB, Kilanas | 11.3.1978 | Sabtu | 3.15- 4.15 | " |
| Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut | 11.3.1978 | Sabtu | 4.30- 5.30 | " |



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei juga telah berangkat berchemarduli ka-Perhimpunan Sambutan Maulud di-ibu negeri dan juga berkenan memereksa barisan peserta2 yang mengambil bahagian dalam perarakan tersebut. Gambar atas kelihatan Pengerusi Perarakan, Awang Haji Mahalle bin Haji Abdullah (kiri) memperkenalkan salah sa-orang ketua pasokan kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia.



Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-W... Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa; Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pen... lain2 Kerabat Diraja (gambar atas kanan) juga turut serta dalam perarakan mengelili...

# SEKITAR SAMBUTAN MAULU...






ADA-LAH menjadi tradisi dan ... umat Islam di-negeri ini meng... butan2 bagi memperingati har... junjongan besar kita Nabi ... s.a.w. sa-tiap menjelang-nya b... awal. Sambutan2 yang di-ada... perengkat negeri mahu pun ... daerah itu ada-lah sa-bagai ... kaseh sayang dan pengharga... jasa2 dan amalan bakti pen... sulullah s.a.w. itu.

Thema sambutan pada tah... "Belia2 Pengembang Shi'ar Isl... perti di-tahun2 yang sudah2, ... dari sambutan2 itu ia-lah perhi... perarakan.

Perhimpunan dan perarak... pada tahun ini di-adakan ser... buah daerah ia-itu Daerah B... di-Padang Besar Bandar Seri B... Daerah Temburong di-Pekan ... 20hb Februari.

Sementara perarakan di-D... telah di-adakan di-Pekan Seria ... Tutong di-Padang Sekolah M... Hashim, Pekan Tutong pada 26... yang lalu.

Gambar2 yang di-siarkan di-... ia-lah suasana dalam perhim... perarakan di-Bandar Seri Bega... Pekan Bangar.

Perarakan pada hari itu di-ambil bahagian oleh sa-bahagian dari gulongan belia dan ini ada-lah sesuai dengan thema sambutan pada tahun ini ia-itu "Belia2 Pengembang Shi'ar Islam". Gambar atas kelihatan salah satu pasokan belia bergerak meninggalkan Padang Besar untok berarak mengelilingi Bandar Seri Begawan. Sementara gambar atas kanan kelihatan salah sa-buah pasokan belia dengan sepandok yang di-bawa oleh mereka dalam perarakan di-Pekan Bangar.



Sa-belum perarakan itu di-mulakan, bachaan Marhaban beramai2 telah di-bawakan oleh Pehin2 Pegawai Masjid dan di-sertai oleh tiga orang dari tiap2 pasokan yang mengambil bahagian untok membacha "Asraqal Badru".



Pasokan dari Jabatan Radio Talivishen dengan membawa sepandok yang memuji kebesaran Nabi Muhammad s.a.w. berarak melalui Jalan MacArthur.



Kaum ibu ... pada 20hb ... Seri Begaw...







giran Muda Mohammad Bolkiah; Penasehat Umom Kebawah DYMM, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail; dan lain2 pembesar2 negara (gambar atas) serta Seri Begawan.



Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz ketika beruchap di-perhimpunan Maulud di-Pekan Bangar.

# DI-IBU NEGERI DAN DI-PEKAN BANGAR

ita
m-
an
ad
el-
di-
kat
an
ap
ka-

ah
sa-
ak
an

ud
ua
ra
an
da

ait
ah
da
ari

ini
an
di-





Mendahului perarakan di-Pekan Bangar pada hari itu ia-lah satu pasokan yang di-sertai oleh Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Kadzi Besar, Y.B. Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal, Pmk. Pegawai Daerah Temburong, Awang Abdul Aziz bin Muhammad, Y.B. Malai Haji Mashore bin Malai Haji Damit, Kadzi Daerah Temburong dan lain2 pegawai2 kanan Kerajaan (gambar atas). Sementara gambar kanan, Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan memereksa barisan dan di-perkenalkan kapada ketua2 pasokan oleh Pmk. Pegawai Daerah, Awang Abdul Aziz.





ketinggalan untok mengambil bahagian dalam perarakan Maulud di-kedua2 daerah itu dan dalam gambar2 di-atas kelihatan pasokan2 dari kaum ibu itu (atas, di-Bandar kanan, di-Pekan Bangar) yang menyertai perarakan tersebut.

# RENTAS DESA TAHUNAN BAHAGIAN SOAS SENIOR

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perlumbaan Rentas Desa Tahunan bagi Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin Senior di-sini telah di-langsongkan pagi Sabtu lalu. Lebeh 800 orang penuntut maktab itu telah turut mengambil bahagian.

Perlumbaan itu di-bagikan kapada tiga bahagian ia-itu bahagian penuntut2 lelaki, bahagian penuntut2 perempuan dan juga bahagian guru2. Peserta2 lelaki telah berlari sa-jauh kira2 tujoh batu sementara peserta perempuan dan guru2 telah berlari kira2 sajauh tiga batu.

Awang Wahid Ahad saorang penuntut tingkatan lima maktab itu telah menyandang gelaran johan bahagian lelaki. Dia telah juga memechahkan rekod tahun lalu. Tempat kedua ia-lah Awang Zainal Abidin and ketiga ia-lah Awg Lurin Libut.

Dalam bahagian perempuan pula tempat pertama telah di-sandang oleh Dayang Saleha Rahim juga sa-orang penuntut tingkatan lima. Dia ada-lah johan bagi bahagian ini pada tahun lalu. Tempat kedua ia-lah Dayang Rafeah Haji Kamis dan tempat ketiga pula ia-lah Dayang Ramlah Abu Bakar.

Awang Abdul Latif Sahat telah munchol sa-bagai johan bahagian guru2. Naib johan-nya ia-lah Awg Haji Abu Bakar Haji Ibrahim, sementara tempat ketiga pula ia-lah Awang Chuchu Tassim.

Johan rumah2 bagi tahun ini di-sandang oleh Rumah Bendahara. Naib johan-nya ia-lah Rumah Pemancha dan tempat ketiga pula ia-lah Rumah Maharaja Lela. Dalam bahagian kelas pula, tingkatan empat A telah menjadi johan. Naib johannya ia-lah tingkatan empat L dan tempat ketiga ia-lah tingkatan empat M.

Pengetua maktab SOAS Senior, Awang M.B. Stewart dalam uchapan-nya semasa menyampaikan hadiah2 kemenangan itu telah memuji dan menguchapkan terima kaseh kapada semua pehak terutama guru2 kerana sama2 menjayakan perlumbaan itu.

Menurut beliau lagi, guru2 bukan sahaja bertanggong-jawab untok memajukan pelajaran penuntut2 tetapi juga menggalakkan mereka bergiat dalam lapangan2 lain terutama dibidang sokan dan olahraga. — Kiriman Ahmad Nawi bin Talip, SOAS Senior.





**Keempat2 gambar ini menunjokkan suasana perlumbaan Rentas Desa SOAS Senior yang telah di-ambil oleh Awangku Hidup bin Pengiran Haji Shamsuddin.**



### KAN-HAL KITANI . . .

* Buku Risalah MBB, Apa tu 'Ngah?

† Memuatkan kegiatan2 persatuan belia di-negeri ani.

* Aah, miatu. Bila di-keluarkan, 'Ngah?

† Kata bisdia akhir bulan ani! Jangan lupa hantar cherita2 kegiatan belia minggu ani jua, 'Wang!

* Berapa kali tiap2 keluaran-nya, 'Ngah?

† Tiap2 tiga bulan sakali.

* Aau, baik menghantar awal2 — kalau lambat inda sampat di-muatkan!

# Kursus Pengadil Bolasepak Daerah Brunei/Muara

BANDAR SERI BEGAWAN.—Satu kursus Pengadil Bolasepak bagi Daerah Brunei dan Muara, akan di-adakan sa-lama enam minggu berturut2 pada tiap2 hari Jumaat dan Ahad dari jam 9.00 pagi hingga 10.30 pagi. Kursus tersebut di-jadualkan bermula pada 10hb Mach ini (Jumaat) bertempat di-Sekolah Pertukangan Sultan Saiful Rizal, Jalan Muara.

Kursus bahagian teori ini akan di-adakan dalam bahasa Melayu dan Inggeris. Kursus ini di-kendalikan oleh Persatuan Pengadil Bolasepak Negeri Brunei.

Menurut sa-orang juruchakap persatuan tersebut bahawa bayaran2 tidak akan di-kenakan kapada peserta yang akan mengikuti kursus itu. Dan borang2 permohonan penyertaan boleh di-dapati daripada: Awang Johari bin Haji Awang, Bahagian Yunit Peranchang, Kajian dan Bimbingan, Jabatan Pelajaran dan Awg Mohd Noor bin Abdullah, Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan. Borang2 itu hendak-lah di-kembalikan tidak lewat pada 5hb Mach ini.

Sementara itu, kursus jurulateh bolasepak bagi 16 orang wakil persatuan2 belia seluroh negeri telah di-adakan di-sini bulan lalu, di-bawah kelolaan Jurulateh Kebangsaan, Awg Duncan McDowell. Ini merupakan kursus jurulateh bolasepak yang pertama kali di-anjorkan oleh Persatuan Bolasepak Amatur Negeri Brunei.

# Perlumbaan rentas desa minggu ini

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perlumbaan Rentas Desa Sekolah2 Rendah dan Menengah Bawah, Daerah Temburong akan di-langsongkan hari ini mulai jam 1.30 petang bertempat di-Sekolah Melayu Puni.

Perlumbaan Rentas Desa Sekolah2 Menengah Bawah, Daerah Brunei dan Muara akan di-langsongkan hari Khamis (esok) mulai jam 1.30 petang bertempat di-Padang SMJA sini.

Perlumbaan Rentas Desa Sekolah2 Menengah Bawah, Daerah Belait akan di-langsongkan pada hari Sabtu 4hb Mach ini mulai jam 1.30 petang bertempat di-Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Kuala Belait.

Sementara itu, perlumbaan Rentas Desa Sa-Negeri Sekolah2 Rendah, Menengah Bawah dan Menengah Atas akan di-langsongkan pada 30hb Mach, 1978 mulai jam 1.30 petang dan tempat-nya belum di-tetapkan (akan di-beri tahu kemudian).



# Lumba perahu sempena lawatan Baginda Queen

BANDAR SERI BEGAWAN.— Perlumbaan perahu, sempena lawatan Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II ka-Brunei akan di-langsongkan berhadapan dengan Tambatan Kastam Diraja sini pada 12hb Mach ini.

Sa-banyak 14 achara lumba perahu termasok lumba moto sangkut di-jangka akan di-adakan.

Sementara itu, Kelab Intan Kampong Saba (PERKASA) telah menganjorkan perlawanan sepak takraw Ahad lalu bertempat di-Dewan Bangunan Pusat Belia sini.

Penyampaian hadiah2 telah di-laksanakan oleh Yang Dipertua Persatuan Sepak Takraw Brunei, Awg Haji Hussin bin Zinal, di-akhir perlawanan.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Di-Jabatan Kebajikan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan, Brunei.

1. **PEGAWAI ASOHAN :**

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Ijazah Honours/Biasa atau Diploma dalam Social Studies. Chalon2 mesti-lah mempunyai kebolehan bertutor dan menulis dalam Bahasa Inggeris dengan berkesan serta mesti-lah boleh bertutor dalam satu atau lebeh daripada satu Bahasa/Loghat.

Chalon2 mesti-lah lulus Bahasa Melayu perengkat menengah dan sekurang2-nya lima tahun pengalaman dalam kerja2 kebajikan masharakat dan masaalah belia.

Chalon2 juga mesti-lah mempunyai pengalaman dalam undang2 pengasohan/pemulehan akhlak dan rawatan/perkhidmatan sa-lepas pemulehan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji B.2 EB.3 —B$1645-1709-1771-1836-1900-1964-2027 - 2104 - 2180 - 2257 - 2333-2410 - 2486 - 2563 - 2639 - 2716/EB/2791-2869-2945-3022. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

2. **TIMBALAN PENGAWAL PENCHEN:**

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Ijazah B.A. dalam Sains Kemasharakatan (Social Science) serta pengalaman yang tidak kurang dari lima tahun.
b) Mempunyai 15 tahun pengalaman dalam Kerajaan dengan mempunyai Diploma atau Sijil di-bidang pentadbiran dari mana2 institusi yang di-akui.
c) Faseh dan mahir menulis, membacha serta bertutor dalam Bahasa Inggeris dan Melayu.
d) Pemohon2 yang mempunyai pengalaman dalam hal ehwal kegiatan Belia, urusan masharakat dan kebajikan, ada-lah berfaedah di-Jabatan ini.

**Gaii :**

Dalam sukatan gaji B. 3 — B$2792-2869-2945-3022. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

3. **PENGAWAS RUMAH2 KEBAJIKAN :**

Pemohon2 hendak-lah mempunyai kelulusan2 dan pengalaman2 saperti berikut:—

a) HND (Higher National Diploma) dalam Sains Kemasharakatan (Social Science) atau yang sebanding dengan-nya.

ATAU

b) G.C.E. 'A' Level dengan dua matapelajaran principal dan mempunyai pengalaman2 yang tidak kurang dari lima tahun dalam kerja2 kebajikan atau guru terlateh atau yang sebanding dengan-nya; dan
c) Faseh dan mahir menulis, membacha serta bertutor dalam bahasa Inggeris dan Melayu.
d) Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai pengalaman dalam kerja2 serta urusan2 bangunan2 asrama.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji C 3-4 EB.5—B$1479-1530-1581-1632-1863-1734 - 1785 - 1936 - 1887 - 1938/EB/1989-2040-2091-2142-2193. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 25hb Mach, 1978.

## TENDER NOTICE
## CONSTRUCTION AND COMPLETION OF COASTAL ROAD : MUARA — JERUDONG SECTION

TENDERS are invited from Public Works Department registered Class "A" contractors for construction and completion of COASTAL ROAD : MUARA-JERUDONG SECTION.

Tender documents will be obtainble from Tuesday, 28th February 1978 onwards at the office of M/s. Associated Consultants (Pte) Limited, Rooms 27 & 28, Hongkong Bank Chambers, Bandar Seri Begawan during normal working hours on payment of a tender deposit of B$500.00. The tender deposit will be refunded to all tenderers who have submitted bona-fide tenders, and return of all documents and drawings.

Each tender shall be accompanied by a tender bond of B$25,000.00 (Brunei dollars : Twenty five thousand only). The tender bond shall be in the form of a cashier's cheque, or bank draft drawn in favour of the GOVERNMENT OF BRUNEI.

Any Tender without the tender bond will not be considered.

The tender documents all properly filled in and signed shall be enclosed in a sealed envelope addressed to the Chairman, Tenders Board, Brunei and prominently marked in the top left hand corner:—

Tender for construction and completion of COASTAL ROAD : MUARA — JERUDONG SECTION

and deliver to reach :

The Chairman,
Tenders Board, Brunei,
Secretariat Building,
Bandar Seri Begawan.

NOT LATER THAN 12 NOON, ON TUESDAY 11TH APRIL 1978.

The Government of Brunei is not bound to accept the lowest or any tender.

The drawings shall be returned to the office of M/s. Associated Consultants Private Limited.

## TENDER NOTICE
### TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT

THE DIRECTOR of Telecommunications invites tenders for the erection of a perimeter fence at the Telephone Exchange, Tutong. Details can be obtained from the Office of the Director of Telecommunications, Bandar Seri Begawan.

Tender in a sealed envelope, must be submitted to :

The Chairman,,
Tenders Board,
Ground Floor
Government Offices,
Bandar Seri Begawan

before midday on March 4th, 1978.

## APPOINTMENTS AS OFFICERS IN THE ROYAL BRUNEI POLICE

APPLICATIONS are invited from young men who are subjects of His Highness the Sultan for a number of vacant posts as Inspectors in the Royal Brunei Police.

**Qualifications :**

(a) Aged between 19 and 26 years
(b) Applicants must have studied to not less than Form V in the English language. Successful candidates are likely to have higher qualifications and will probably have passed at Brunei Cambridge GCE 'O' level or above
(c) At least 5′ 4″ in height
(d) Minimum deflated chest measurement of 34 inches
(e) Good general physique

**Training**

Accepted candidates will undergo eight months initial training at the Police Training Centre, Jalan Muara as Officer Cadets. On completion, as Inspectors on probation, they will be posted to Police Formations to gain experience and will undergo further courses before confirmation in the rank of Inspector. All officers attend courses overseas after completing a probationery period.

**Salary :**

In the scale P6 — $769x69-$838x25-$1100 /EB/ $1125x25-$1200 (and higher on promotion)

All applicants will enter at $769 per month

Allowance 'P' — $100 per month — is also payable.

**Applications**

Must be completed on form Police 2 obtainable from Police Headquarters, Gadong or District Police Headquarters at Bandar Seri Begawan and Panaga and must reach the Commissioner of Police not later than 30 March 1978. Serving Government Officers must apply through Heads of Department.

## TENDER NOTICE

TENDERS will be received by the Chairman of Brunei Tenders Board from J.K.R. Registered Class "A" Contractors up to 12.00 noon, 28th March, 1978 for : —

SUPPLY, INSTALLATION and COMMISSIONING of MISCELLANEOUS EQUIPMENTS for PROPOSED FORCE WORKSHOP at BOLKIAH CAMP, BANDAR SERI BEGAGAN.

Tender document can be obtained from the Office of Messrs Associated Consultants Private Limited, Rooms 27-29, Hongkong Bank Chambers, Bandar Seri Begawan from 22nd February 1978 onwards during normal office hours on payment of a tender deposit of B$500.00 which will be refundable to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bonafide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the Tender Form provided and must reach the office of the Chairman, Brunei Tenders Board, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan not later than 12.00 noon, 28th March, 1978.

Tenders shall be enclosed in a plain sealed envelope marked. — "Tender for Supply, Installation and Commissioning of Miscellaneous Equipments for Proposed Force Workshop at Bolkiah Camp, Bandar Seri Begawan."

The Government of Brunei is not bound to accept the lowest or any tender.

## MUNICIPAL BOARD TUTONG
## TENDER NOTICE

TENDER will be received by the Chairman Tenders Board at office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei up to 12.00 noon Tuesday, 7th March, 1978 for supply of the following:—

ONE UNIT PICK UP TRUCK

2. Specification must be in accordance with original factory made.
3. Approximate date of delivery must be stated.
4. Tenders must be placed in plain sealed envelopes. There must be no indication on the cover of the name of the tenderer.

The cover must be addressed to : —

The Chairman,
Tenders Board,
c/o State Financial Officer,
Ground Floor,
Government Offices,
Bandar Seri Begawan,
Brunei

and celarly marked : —

Municipal Board Tutong,
Supply Of Pick Up.

5. Any tender received in envelopes not properly addressed will be rejected.
6. Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

**SUPPLY, INSTALLATION and COMMISSIONING of OVERHEAD CRANES for PROPOSED STANDBY GENERATING STATION at THE FLOTILLA BASE, MUARA.**

TENDERS will be received by the Chairman of Brunei Tenders Board from J.K.R. Registered Class "A" Contractors up to 12.00 noon, 21st March 1978 for : —

SUPPLY, INSTALLATION and COMMISSIONING of OVERHEAD CRANES for PROPOSED STANDBY GENERATING STATION at THE FLOTILLA BASE, MUARA.

Tender document can be obtained from the Office of Messrs Associated Consultants Private Limited, Rooms 27-29, Hongkong Bank Chambers, Bandar Seri Begawan from 22nd February 1978 onwards during normal office hours on payment of a tender deposit of B$250.00 which will be refundable to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bonafide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the Tender Form provided and must reach the office of the Chairman, Brunei Tenders Board, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan not later than 12.00 noon, 21st March, 1978.

Tenders shall be enclosed in a plain sealed envelope marked. — "Tender for Supply, Installation and Commissioning of Overhead Cranes for Proposed Standby Generating Station at The Flotilla Base, Muara".

The Government of Brunei is not bound to accept the lowest or any tender.

## NOTIS TAWARAN JABATAN TALIKOM

PENGARAH Talikom mempelawa tawaran2 bagi pembenaan pagar2 keliling di-Ibusawat Talipon, Tutong. Butir2 keterangan mengenai-nya boleh di-perolehi dari Pejabat Pengarah Talikom Bandar Seri Begawan.

Tawaran2, di-dalam sampul surat yang termateri, hendak-lah di-alamatkan kapada:

Pengerusi,
Lembaga Tawaran,
Tingkat Bawah
Bangunan2 Kerajaan,
Bandar Seri Begawan

sa-belum tengah hari pada 4hb Mach, 1978.

## KETUA PENTERJEMAH

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan Ketua Penterjemah di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Mempunyai Sijil Tinggi Persekolahan dengan mendapat kelulusan principal dalam Bahasa Melayu dan lulus Kertas 'Am (Inggeris), atau kelayakan2 yan sebanding dengan-nya, serta mempunyai pengalaman menterjemah sekurang2-nya sa-lama 10 tahun; atau
b) Mempunyai Sijil Persekolahan Brunei Cambridge dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris atau Kelayakan2 yang sebanding dengan-nya, serta mempunyai pengalaman menterjemah sekurang2-nya sa-lama 15 tahun; atau
c) Mempunyai kelulusan ijazah atau diploma yang di-iktiraf oleh Kerajaan atau kelulusan2 yang sebanding dengan-nya.

Keutamaan akan di-berikan kapada chalon2 yang memileki atau menunjokkan bakat kebolehan sa-bagai Ketua Bahagian yang dapat memberi tunjokajar dalam selok-belok penterjemahan kapada kaki-tangan di-bawah jagaan-nya.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji C. 3-4 EB.5—$B1479-1530-1581-1632-1683-1734-1785-1836-1938/EB/1989-2040-2091-2142-2193.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 27hb Mach, 1978.

## Merinyu Kesihatan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa untok memenohi jawatan2 sa-bagai Merinyu Kesihatan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

**Kelayakan2 :**

Pemohon2 mesti-lah berumor sekurang2-nya 20 tahun tetapi tidak lebeh dari 45 tahun dan mereka mesti-lah mempunyai Sijil dari Royal Society of Health atau kelulusan yang sebanding dengan-nya.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 3-4 EB. 5—B$625-657-689-720-752-784-854-880-905-931-956 - 982 - 1007/EB/1046-1071-1097-1122.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 30hb Mach, 1978.

## TENDER NOTICE
## BRUNEI DEEP WATER PORT SCHEME

TENDERS will received by the Chairman of the Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan, State of Brunei from Class "A" Contractors who are registered with the P.W.D. Brunei or from Contractors of equal standing resident in other countries up to 12.00 noon on Monday 3rd April, 1978 for:—

CONSTRUCTION OF FENDERING TO AGGREGATE BERTH

The works are located within Muara Port and include fabrication and driving of "H" section steel fender piles, erection of rubber fenders and timber walings, fixing bollards, amendments to the water supply system, amendments to the lighting system and other works incidental to the foregoing.

Applications for tendering will be received as from 20th February 1978, during normal office hours, by the Resident Engineer, Sir Bruce White,, Wolfe Barry & Partners, Site Office, Signal Station, Muara, State of Brunei, where the tender documents and drawings may be obtained and examined. All applications shall be accompanied by a receipt for the deposit of 500 Brunei Dollars to be lodged with the Treasury Department. This deposit will be refundable on the return of a Bona Fide Tender.

The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

Sir Bruce White,
Wolfe Barry & Partners,
P. O. Box 2277,
Bandar Seri Begawan,
Brunei.

## TENDER NOTICE

TENDERS are invited for the supply of quantity 350 Sanyo Fan Table 16″ 250 Volt to the Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Camp. Delivery is required in four phases. Each delivery is as follow :

Qty — 150 Immediate
Qty — 75 1st July 1978
Qty — 75 1st October 1978
Qty — 50 1st December 1978

The tender should state price and delivery time.

Tenders are to be submitted to the Chairman, Tenders Board, Bandar Seri Begawan by 4.00 p.m. on Wednesday 8th March 1978. All tenders are to be submitted in a plain sealed envelopes and should be endorsed "ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT SANYO 16″ FAN TABLE".

The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

# MEREKA INGIN BERBAKTI

Dari muka 1

Salleh, Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin, selaku Ahli Jawatankuasa Penasehat Mengenai Orang2 Tahanan berharap semoga lafadz ikrar dan sumpah mereka yang telah di-bebaskan itu akan dapat mereka boktikan dan di-kotakan dengan tingkah laku serta perbuatan yang sesuai dengan kepentingan2 Negeri Brunei dalam hasrat-nya untok maju dan menchapai kemajuan.

Yang Berhormat itu berharap semoga mereka itu akan dapat mensesuaikan diri dan memikul tanggong-jawab sa-bagai raayat yang berguna serta sanggup memberikan khidmat bakti dalam apa2 jua bidang yang akan di-laksanakan.

"Saya perchaya raayat dan pendudok negeri ini akan senantiasa bersedia menerima Awang2 saperti juga hal-nya dengan bekas orang2 tahanan yang telah di-bebaskan sa-belum-nya dengan penoh keperchayaan dan harapan bahawa mereka akan meninggalkan yang sudah dan dengan ada-nya taubat, mereka akan dapat menghulurkan tenaga dan pengorbanan membantu raayat dan pendudok negeri ini bahu membahu membangun Negeri Brunei", tegas Yang Berhormat Pehin.

Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja menyatakan Negeri Brunei pada masa ini sedang menekmati suasana yang penoh selamat dan kestabilan yang membolehkan raayat dan pendudok negeri ini melaksanakan pekerjaan masing2 tanpa gangguan dan ugutan dari pehak2 yang jahat.

Kerajaan Kebawah DYMM, tambah Yang Berhormat sennantiasa berusaha untok mengekalkan keamanan dan keselamatan pada membawa kebahagiaan dan kemakmoran negeri ini dan raayat keselurohannya.

"Dengan ada-nya keadaan sa-demikian, maka usaha untok membebaskan orang2 tahanan yang telah bertaubat, yang sudah memahami dan mengakui akan kejahilan masing2 dan sanggup untok meninggalkan perkara2 jahat yang telah di-lakukan oleh mereka dan sanggop pula untok berbakti sekali lagi kapada Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dan Kerajaan Baginda, Insha Allah akan terus di-laksanakan pada waktu-nya", tegas Yang Berhormat.

Yang Berhormat menegaskan, sejak tahun 1962 yang lalu, banyak perubahan2 telah berlaku di-negeri ini am-nya dan di-Daerah Temburong khusus-nya. Sa-bagaimana yang dapat di-lihat pada masa ini Daerah Temburong telah mempunyai jalanraya yang baik, bekalan2 ayer juga telah siap di-bena, banyak sekolah telah di-bangunkan dan lain2 lagi yang mana semua ini ada-lah untok kesenangan raayat dan pendudok negeri ini.

"Dengan ini Awang2 akan dapat mengukor kemajuan2 yang telah terchapai dan dengan itu tentu sekali akan dapat memahami tujuan2 dan matalamat2 pembangunan Kerajaan DYMM kerana dalam konsep kemajuan usaha2 pada memajukan pembangunan sa-sebuah negeri itu hendak-lah di-teruskan kerana kemajuan itu ada-lah bukan satu perkara atau satu usaha yang boleh di-habiskan", tegas Yang Berhormat.

Dalam usaha pembangunan ini, Yang Berhormat dan Ahli2 Jawatankuasa Penasehat Mengenai Orang2 Tahanan berharap supaya mereka yang telah di-bebaskan itu akan dapat mensesuaikan diri dan akan dapat memberikan sumbangan bakti kapada negeri ini dan seterusnya memboktikan sumpah dan ikrar yang telah mereka lafadzkan itu.

Yang Berhormat yakin bahawa kaum keluarga serta masharakat kampong akan mengalu2kan ketibaan mereka dengan perasaan gembira dan akan memberikan kesempatan kapada mereka untok memulakan penghidupan baru.

Akhir-nya Yang Berhormat menyuarakan harapan kapada seluroh raayat di-negeri ini supaya akan terus menerus memberikan usaha dan pengorbanan pada mempertahankan keamanan dan kemakmoran yang sudah semesti-nya menjadi hak milek kita supaya tidak di-porak-perandakan oleh pehak2 yang tidak bertanggong-jawab.

"Dengan ada-nya ketabahan dan keikhlasan kita serta kesediaan kita untok berbakti dan berkorban Insha Allah, Allah s.w.t. akan mengorniakan kita kejayaan jua", tegas Yang Berhormat Pehin.

Beruchap di-upachara mengangkat sumpah bagi Awang Sambang bin Ambo di-Balai Ria, Yang Berhormat menguchapkan tahniah kapada beliau dan berdo'a semoga usaha2 yang berkebajikan dan chita2 Awang Sambang untok menyumbangkan tenaga-nya ka-arah membena satu chara hidup yang halal lagi suchi itu akan berjaya.

Yang Berhormat juga menasehatkan Awang Sambang supaya jangan menghampakan harapan itu dan ikuti-lah jalan yang berseh yang di-redhai oleh Allah Subhanahu-Wataala dalam jalan2 yang tidak melanggar undang2 negeri ini.

Yang Berhormat berkata, sa-masa berkursus pemulehan sa-lama tiga minggu tentu Awang Sambang dan rakan2-nya yang lain telah melihat sendiri akan kemajuan2 yang telah di-chapai oleh Kerajaan DYMM sejak beberapa tahun ini.

Kejayaan sa-rupa ini, tambah Yang Berhormat, di-chapai atas kebijaksanaan Kerajaan Kebawah DYMM pada menyusun ranchangan2 kemajuan dan kemajuan2 yang sa-rupa ini akan terus di-chapai dengan berkat kerjasama raayat dan pendudok negeri ini yang chintakan keamanan dan kemakmoran.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal, ketika beruchap di-upachara mengangkat sumpah bagi Awang Johari bin Mustapha di-Masjid Sufri Bolkiah, Berakas, berharap semoga ahli2 keluarga Awang Johari akan memberikan kerjasama dan persefahaman untok membolehkan beliau melaksanakan usaha2 yang berkebajikan.

Kata-nya, Awang Johari telah menyatakan kesedaran-nya sesudah sekian lama di-tahan atas perbuatan2-nya yang jahil dan sekarang ingin munchul sekali lagi memberikan sumbangan khidmat dan bakti-nya kapada negeri Brunei sa-bagai raayat yang bertanggong-jawab dan berguna kapada masharakat.

Yang Berhormat berharap semoga Awang Johari akan dapat mensesuaikan diri dalam menempoh hidup baru supaya ketibaan-nya tidak akan menimbulkan masaalah kapada kaum keluarga-nya, malah akan dapat menyelesaikan bebanan2 yang di-hadapi dan memulehkan kehidupan yang berkebajikan saperti sediakala.

Y.B. Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid bagi pehak Ahli2 Jawatankuasa Penasehat Mengenai Orang2 Tahanan juga berharap dan berdo'a moga2 Awang Johari tidak akan dapat di-pengarohi oleh rakan2-nya dengan fahaman2 yang salah lagi akibat-nya akan mendatangkan kesusahan kapada diri-nya.



Awang Johari bin Mustapha ketika mengangkat sumpah di-Masjid Sufri Bolkiah pada hari Sabtu lalu.

Dari muka 1

rangan. Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awg Md. Salleh bin Haji Masri telah menyampaikan cheramah-nya di-Pusat Pemulehan kapada kelima2 orang tahanan itu sa-belum mereka itu di-bebaskan pada hari Sabtu lalu.

Dalam cheramah sa-lama 2½ jam itu, YDM Pehin Orang Kaya Laila Wangsa menekankan peri mustahak-nya keselamatan dan kebahagiaan raayat dn pendudok negeri ini

Ketua Pegawai Penerangan itu juga menekankan keadaan kemajuan yang terdapat di-negeri ini berbanding dengan sa-belum pemberontakan. Ada orang berpendapat, kalau tidak ada-nya pemberontakan, Brunei tidak akan jadi maju saperti sekarang ini! Tapi bagaimana pula jawab-nya, kalau tidak kerana tergendala oleh pemberontakan 1962, kemajuan Brunei yang pesat sekarang ini telah dapat di-laksanakan 10 tahun yang lalu?

Walau pun Brunei yang kaya raya sekarang ini, tetapi jika tiada keamanan semua-nya itu tidak akan mendatangkan faedah kapada kita. Dari sebab itu, keamanan dan ketenteraman ada-lah faktor utama kita jaga bersama2, jelas-nya.

Tambah-nya, "Dahulu Azahari dan pemimpin2 PRB membunoh raayat di-negeri ini dengan berdarah, tetapi sekarang mereka membunoh dengan tidak berdarah dengan menghantar subersib2 untok mengachau-bilaukan keamanan yang telah ujud di-negeri ini".

Yang Dimuliakan Pehin Salleh mengharapkan agar mereka yang di-bebaskan Sabtu lalu itu akan balek ka-pangkuan masharakat saperti sediakala di-samping menumpukan ta'at setia kapada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.

## Keputusan pepereksaan

BANDAR SERI BEGAWAN.—Sa-ramai 671 orang dari 1,741 orang chalun yang mendudoki pepereksaan Brunei Cambridge General Certificate of Education 'O' Level pada tahun lalu telah lulus.

Jumlah yang lulus itu ia-lah chalun2 yang mendapat kelulusan tiga matalapan GCE dan peratus yang lulus bersamaan dengan 38.54. Dari jumlah yang lulus itu sa-ramai tiga orang chalun mendapat lapan GCE; 38 orang chalun mendapat tujoh GCE; 58 orang mendapat enam GCE; 99 orang lima GCE; 158 orang empat GCE dan 315 orang tiga GCE.

Sekolah St. George Bandar Seri Begawan dan Sekolah St. Margaret, Seria yang masing2 mendapat 80.00 peratus kelulusan mendahului 12 buah sekolah Inggeris Kerajaan, Misi dan China di-seluroh negeri. Sekolah St. George yang mengemukakan 20 orang chalun, 16 daripada-nya telah lulus sementara Sekolah St. Margaret yang mengemukakan 30 orang chalun, 24 orang daripada-nya telah lulus.

Dari 42 orang chalun Kelas Pelajaran Dewasa yang mendudoki pepereksaan tersebut, hanya tiga orang sahaja yang lulus, manakala hanya empat dari 198 orang chalun persendirian, lulus pepereksaan tersebut.

**(Keputusan penoh pepereksaan tersebut di-siarkan di-muka 5 dan 13).**

Sementara itu, dari 535 orang chalun dari empat buah sekolah menengah yang mendudoki pepereksaan Sijil Am Pelajaran Singapura - Cambridge yang telah di-adakan pada tahun lalu, hanya 157 orang chalun sahaja yang lulus ia-itu bersamaan dengan 29.34 peratus.

Sekolah Menengah Arab Hassanal Bolkiah mengatasi lain2 sekolah dengan mendapat 65.67 peratus kelulusan. Dari 67 orang chalun yang mendudoki pepereksaan tersebut, sa-ramai 44 orang telah lulus.

Dua orang penuntut dari sekolah itu juga telah di-chatetkan sa-bagai penuntut terbaik dengan memperolehi lapan S.A.P. Mereka ia-lah Hajjah Hindun bte Dato Paduka Haji Noordin dan Mulok bin Jumat.

Bagi chalun persendirian pula, sa-ramai 53 orang sahaja lulus dari 639 orang yang mendudoki pepereksaan tersebut.

**(Keputusan penoh pepereksaan Sijil Am Pelajaran Singapura-Cambridge itu akan di-siarkan dalam keluaran akan datang).**

## Perarakan Maulud

Dari muka 1

huan dan kemahiran tetapi ia-nya juga menitek-beratkan dalam bidang pendidekan akhlak dan pembentokan peribadi yang sempurna di-kalangan penuntut2 dan belia2 yang di-salorkan melalui pelajaran Ugama di-sekolah2.

Terdahulu dari itu, Yang Amat Mulia itu menyatakan terima kaseh-nya kapada Ahli2 Jawatankuasa Sambutan Maulud Nabi Daerah Belait pada tahun ini kerana kesudian jawatankuasa itu menjemput serta sama2 mera'ikan hari yang mulia lagi berkebajikan itu semata2 bagi menunjokkan betapa ingatan kaseh dan sayang kita kapada Rasulullah s.a.w. yang telah memimpin manusia dari alam kejahilan, kesesatan dan kemungkaran ka-alam kebajikan dan kebahagiaan.

Perhimpunan pada hari itu di-ikuti dengan satu perarakan mengelilingi Pekan Seria. Lebeh dari tujoh ribu orang yang mewakili persatuan2 belia, jabatan2 kerajaan, kampong2 dan sekolah2 serta maktab telah mengambil bahagian dalam perarakan tersebut.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Abdullah dan ahli2 jawatankuasa sambutan telah mendahului perarakan sa-jauh tiga batu itu.

Sambutan yang sama juga telah di-adakan di-Pekan Tutong pada hari tersebut. Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz telah hadhir dalam perhimpunan tersebut dan menyertai perarakan mengelilingi Pekan Tutong.

## Ta'un di-Tawau

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tawau, Negeri Sabah, di-istiharkan telah di-jangkiti penyakit ta'un pada 15hb Februari lalu. Semua kapal2 yang datang ka-perayeran Brunei dari Tawau sa-chara langsong atau melalui pelabohan2 perantaraan dan akan di-asingkan dalam satu tempat.

Sementara itu, kementerian Alam Sekitar Singapura mengumomkan bahawa republik itu juga telah di-istiharkan di-jangkiti oleh penyakit tersebut sejak 24hb Februari.

## Anak2 harus di-galakan membacha

Dari muka 13

uchapan alu2an-nya menegaskan langkah Kerajaan DYMM untok membena bangunan baru bagi perpustakaan DBP Chawangan Temburong itu ada-lah satu bokti betapa Kerajaan Baginda mengambil berat terhadap sa-suatu projek yang memberi munafaat kapada raayat.

Kata-nya, walaupun bangunan itu tidak sa-gagah dengan bangunan Perpustakaan DBP di-ibu negeri, ia sekurang2-nya akan dapat memberikan sumbangan dan perkhidmatan kapada pendudok2 di-daerah itu, kerana khazanah ilmu yang terkandong dalam sa-buah perpustakaan itu tidak dapat di-nilai daripada chorak bentok bangunan-nya.

"Ilmu terdapat di-mana-mana dan terpulang-lah kapada kegigihan sa-seorang itu untok *mengakas* dan menchari-nya. Mungkin sa-orang anak yang rajin terdapat di-Pekan Bangar ini akan lebeh beroleh ilmu yang banyak daripada perpustakaan yang kechil ini kalau di-bandingkan dengan sa-orang anak yang malas yang chuma dudok2 di-Perpustakaan Pusat di-Bandar Seri Begawan", tegas Awang Mahmud.

Beliau berkata, kejayaan menchari ilmu itu ada-lah bergantong kapada usaha sendiri serta galakan yang berpatutan sama ada dari ibu-bapa atau guru.

Awang Mahmud berkata, walau pun pada masa ini banyak usaha di-lakukan untok menyalorkan pendidekan melalui pandang dengar tetapi amalan membacha itu maseh merupakan asas untok mendapatkan ilmu pengetahuan, kerana sumber ilmu pengetahuan itu banyak terdapat di-mukasurat buku daripada yang di-dengar dan di-lihat.

"Sebab itu-lah amalan membacha mesti di-tanamkan kapada anak2 sejak mereka kechil2 lagi, dan untok melateh atau membiasakan mereka ingin membacha chuba-lah bawa atau galakan mereka masok ka-perpustakaan", tambah beliau.

Beliau berharap Perpustakaan DBP Chawangan Temburong ini akan dapat memberikan sumbangan ka-arah menchapai ilmu pengetahuan dan berharap segala kemudahan yang di-sediakan di-perpustakaan itu akan dapat di-gunakan dengan baik dan sempurna oleh pendudok2 di- daerah itu.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.